

Maklumat COVID-19 untuk Komuniti LGBTIQ+ Berbilang Budaya

Anda akan melindungi diri sendiri dan orang lain



Apabila anda mendapat vaksin COVID-19 sepenuhnya:

- > Anda **kurang berkemungkinan untuk mendapat COVID-19**
- > Anda **kurang berkemungkinan untuk menyebarkan COVID-19** kepada orang lain
- > Anda **kurang berkemungkinan untuk mendapat penyakit yang serius** akibat COVID-19
- > Anda **membantu melindungi orang lain** yang tidak boleh mendapatkan vaksin atas kekangan perubatan

Semakin ramai orang yang menerima vaksin, semakin sedikit orang yang akan dijangkiti virus, menyebarkan virus, sakit atau meninggal dunia.

Adakah vaksin tersebut selamat?

Semua vaksin yang tersedia di Australia:

- > Selamat dan berkesan
- > Telah diuji pada orang ramai dalam jumlah yang besar di peringkat antarabangsa
- > Telah lulus **standard keselamatan yang ketat** yang ditetapkan oleh pengawal selia bebas untuk ubat-ubatan di Australia iaitu Therapeutic Goods Administration

Anda akan dapat kembali ke kehidupan harian seperti biasa

Anda mungkin perlu mengambil vaksin untuk:

- > **Mengambil bahagian dalam sesetengah aktiviti harian atau menggunakan sesetengah perkhidmatan harian**
- > **Kembali bekerja di tempat kerja**
- > **Perjalanan ke luar negara**

Perluah saya menunggu vaksin yang tidak tersedia di Australia pada masa ini?

Terdapat tiga jenis vaksin yang tersedia di Australia – **AstraZeneca**, **Moderna** dan **Pfizer**. Tiada jaminan bahawa vaksin lain akan diluluskan untuk kegunaan di Australia.

Sebaiknya, dapatkan salah satu vaksin yang tersedia pada masa ini.



Saya tidak mempunyai kad Medicare atau saya pemegang visa - bolehkah saya mendapatkan vaksin?

Vaksin COVID-19 tersedia secara percuma kepada semua orang di Australia, termasuk:

- > Pelarian
- > Mereka yang memohon suaka
- > Pemegang visa sementara dan bersyarat
- > Pelajar antarabangsa
- > Penghijrah sementara

Anda tidak memerlukan **kad Medicare atau Individual Healthcare Identifier (IHI)** untuk mendapatkan vaksin COVID-19.



Mendapatkan vaksin COVID-19 tidak akan menjejaskan status visa atau kelayakan anda untuk menerima bantuan kerajaan.

Adakah selamat untuk mendapatkan vaksin jika:

Saya mengambil terapi hormon?

Ya, selamat jika anda mengambil terapi hormon yang ditetapkan.

Jika saya mengambil PrEP?

Ya, selamat jika anda mengambil ubat profilaksis prapendedahan (PrEP).

Jika saya menggunakan antiretrovirus?

Ya, selamat jika anda mengambil ubat antiretrovirus.

Jika saya mengambil ubat lain atau mempunyai masalah kesihatan?

Dalam kebanyakan kes, ya. Berbincang dengan doktor atau penyedia perkhidmatan kesihatan anda tentang pilihan vaksinasi.



Apakah yang boleh saya lakukan jika saya mengalami pengalaman yang kurang baik setelah divaksin?

Anda boleh **mengemukakan aduan** kepada Jabatan Kesihatan Victoria tentang sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan atau pembekal perkhidmatan yang dibiayai oleh jabatan tersebut. Ini termasuk pusat vaksinasi awam.

Saya telah menghidap COVID-19 dan pulih - adakah saya masih perlu divaksin?

YA, anda masih perlu divaksin selepas anda pulih daripada COVID-19.

cfre.org.au/lgbtiq-covid



Kami mengakui pemilik tradisional tanah tempat kami bekerja dan menghormati orang yang lebih tua dahulu, kini dan akan datang.

Maklumat dalam helaian fakta ini adalah yang terkini setakat 29 Oktober 2021.

Sumber maklumat ini didapati daripada Jabatan Kesihatan Victoria dan Jabatan Kesihatan Australia. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang keselamatan dan vaksin COVID-19 dalam bahasa lain [di laman web Kerajaan Victoria](#) dan [laman web Kerajaan Australia](#).